

20/06/2004

Anugerah simbol hak golongan veteran

By Azran Jaffar

"JANGAN samakan saya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad. Sumbangan beliau kepada negara cukup besar, manakala perjuangan saya cuma pada golongan veteran saja. Lagipun bidang kami berlainan. Apa pun saya bersyukur menerima anugerah ini kerana ia membuktikan golongan veteran dihargai."

Demikian luahan rasa Presiden Persekutuan Veteran Dunia (WVF), Datuk Abdul Hamid Ibrahim selepas menerima anugerah tertinggi Russia - The Russian Order of Friendship, di ibu negara Khamis lalu sebagai mengiktiraf usaha individu menjalinkan hubungan rapat sesama manusia.

Pingat itu diterima sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Persekutuan Russia yang jatuh pada 12 Jun lalu yang disampaikan oleh Duta Russia ke Malaysia, Vladimir Nikolaevich Morozov yang mewakili Presiden Vladimir Putin.

Abdul Hamid adalah orang kedua di negara ini menerima pingat itu yang diadakan sejak 1994. Pingat berkenaan dianugerahkan kepada bekas Perdana Menteri sempena lawatan Putin ke negara ini, tahun lalu.

Bekas pegawai Rejimen Melayu Diraja dan juga bekas senator itu berkata: "Apa yang dapat saya rasakan ialah pemilihan saya untuk menerima pingat ini adalah kerana usaha saya mempertingkatkan pengiktirafan terhadap golongan veteran dalam dunia ketenteraan di seluruh dunia," kata Abdul Hamid yang masih segar serta menyerlah ciri-ciri tentera pada penampilannya walaupun sudah berumur 67 tahun.

"Bagi saya anugerah ini bukan semata-mata untuk saya tetapi juga bagi negara dan rakyat Malaysia," katanya sambil tangannya terus menerima salam daripada hadirin yang tidak henti-henti memberikan ucapan tahniah kepadanya.

Presiden Putin dalam perutusannya yang bertarikh 22 Mac lalu bagi penganugerahan itu yang dibacakan Morozov menyebut: "Anugerah itu adalah bagi menghargai sumbangan Datuk Abdul Hamid Ibrahim kepada pembangunan pergerakan veteran antarabangsa, memperkukuhkan persahabatan serta kerjasama sesama manusia."

Sementara itu Morozov dalam ucapannya, berkata penganugerahan itu bukan saja satu acara dalam jalinan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Persekutuan Russia tetapi juga sebagai penghargaan kepada mereka yang berjuang ketika Perang Dunia Kedua.

Anak kelahiran Johor Bahru, Abdul Hamid bukan sekadar rakyat Malaysia pertama yang dilantik menduduki jawatan Presiden WVF, tetapi juga orang Asia pertama menduduki jawatan dalam persekutuan yang beribu pejabat di Perancis itu. Sebelum ini jawatan Presiden dalam persekutuan itu dipegang wakil dari Eropah dan cuma sekali oleh wakil dari Afrika.

Beliau mula memegang jawatan itu pada 2000 dan pada Disember 2003 beliau dilantik memegang jawatan itu untuk penggal kedua selepas menang tanpa bertanding.

Tahun lalu, Abdul Hamid meluangkan masa selama 10 hari di Russia, melawat negara berkenaan dan mengadakan perjumpaan dengan beberapa pegawai di sana serta golongan veteran.

"Saya ke sana atas jemputan dan ia memberi peluang kepada saya bertukar pandangan dengan golongan veteran di sana di samping melihat masalah golongan itu di sana yang jumlahnya hampir dua juta," katanya.

Pada malam penerimaan pingat itu, Abdul Hamid ditemani isterinya, Datin Samihani Abdullah serta anak bongsu mereka, Azlin. Tiga lagi anak mereka - dua lelaki dan satu perempuan - kini bertugas di luar negara.

Ditanya perancangannya selepas ini, Abdul Hamid berkata, beliau akan terus memperjuangkan nasib dan hak golongan veteran kerana sumbangan besar yang diberikan mereka dalam mempertahankan negara masing-masing.

"Bukan semua negara yang memberikan perhatian kepada golongan veteran mereka terutama negara kurang maju. Mungkin juga disebabkan mereka kekurangan sumber, tetapi ini adalah tanggungjawab mereka," jelasnya.

Katanya, "Dalam tugas sebagai Presiden WVF dan ketika melawat negara tertentu saya akan mengadakan perjumpaan dengan ketua negara bagi memperjelaskan bahawa adalah menjadi kewajipan moral mereka untuk memperjuangkan nasib golongan veteran.

"Ini kerana, sebagai majikan, mereka (negara) perlu menjaga kebajikan golongan veteran (pekerja) yang pernah menyumbangkan khidmat kepada negara."

Pada peringkat Malaysia katanya, disebabkan tugasnya sebagai Presiden akan berakhir pada 2006, beliau sudah mendapat persetujuan kerajaan untuk membawa mesyuarat agung WVF ke Kuala Lumpur.

"Kerajaan juga menyatakan sokongan terhadap agenda ini yang akan diadakan pada November 2006," katanya yang berharap perkara itu akan memberi peluang kepada golongan veteran di negara ini berkongsi pengalaman dengan rakan mereka dari negara luar.

(END)